

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI
SHIEN [JULAU]**

TARIKH SOALAN : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan projek penyambungan grid bekalan utama elektrik untuk sekolah-sekolah pedalaman Sarawak selain daripada RM50 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan negeri dan berapa perbelanjaan yang ditanggung akibat penggunaan janakuasa diesel untuk membekalkan elektrik ke sekolah-sekolah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak dalam pelaksanaan Projek Penyambungan Pembekalan Tenaga Elektrik dari Grid Awam. Projek ini adalah untuk memastikan sekolah di kawasan pedalaman Negeri Sarawak mendapat kemudahan bekalan elektrik sepenuhnya. Projek penyambungan grid bekalan utama elektrik untuk sekolah-sekolah pedalaman Sarawak dilaksanakan melalui peruntukan RM50 juta Kerajaan Negeri Sarawak yang melibatkan 121 buah sekolah.

Selain daripada peruntukan tersebut, pihak Jabatan Kerja Raya Malaysia turut melaksanakan kerja-kerja penyambungan elektrik ke 95 buah

NO. SOALAN : 8

sekolah di bawah skop Kontrak Penyelenggaraan dan Pengoperasian Set Janakuasa Diesel. Skop kerja utama Kontrak tersebut adalah menyelenggara set janakuasa diesel di 357 buah sekolah. Perbelanjaan yang ditanggung akibat penggunaan janakuasa diesel untuk membekalkan elektrik ke sekolah-sekolah tersebut adalah sebanyak RM350 juta untuk tempoh selama dua (2) tahun bermula 2 Mac 2020 sehingga 2 Mac 2022.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Parlimen Julau, 20 buah sekolah tersenarai dalam Projek Penyambungan Talian Grid Elektrik di bawah Kontrak Penyelenggaraan dan Pengoperasian Set Janakuasa Diesel.

Sekian, terima kasih.